

MAHATHIR-TEMURAMAH (RUMAH)  
(I)

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 5 PETANG - 15 JULAI 1983

- S: DATUK, HASIL DARIPADA DASAR KERAJAAN TERBUKA, BANYAK PERKARA TELAH DIPERCAKAPKAN OLEH DATUK SENDIRI DAN OLEH RAKYAT. SATU DARIPADA PERKARA YANG DITIMBULKAN OLEH RAKYAT IALAH KEDIAMAN DATUK, KEDIAMAN RASMI PERDANA MENTERI. PELBAGAI ANGGARAN BELANJA TELAH DIKEMUKAKAN OLEH ORANGRAMAI, SETENGAH-SETENGAHNYA HINGGA \$80 JUTA. BOLEHKAH DATUK MEMBERI SEDIKIT PENJELASAN?
- J: SAYA AMAT KESAL KERANA BERSETUJU DENGAN PERKARA INI. JIKA SAYA TAHU DARI DULU LAGI BETAPA TINGGI BELANJANYA SAYA TIDAK MUNGKIN MENYETUJUINYA. LEBIH BAIK SAYA TINGGAL DI RUMAH TUN RAZAK (SRI TAMAN). APABILA SAYA MEMUTUSKAN UNTUK BERPINDAH KE RUMAH INI (DULUNYA SRI TIMAH), SAYA CUMA PERLU MENAMBAHKAN SATU ATAU DUA BILIK. MALANGNYA, SEBAIK SAHAJA BUMBUNYNYA DITURUNKAN, DINDINGNYA RUNTUH DAN AKHIRNYA JKR MENYATAKAN TIDAK BOLEH DIADAKAN BILIK TAMBAHAN. RUMAH ITU TERPAKSA DIROBOHKAN. SEMUA INI DIPUTUSKAN SEBELUM GERAKAN BERJIMAT CERMAT. SAYA BERPENDAPAT TERLALU BANYAK WANG TELAH DIHABISKAN BAGI RUMAH ITU. BERAPA JUMLAH YANG DIBELANJAKANPUN, IA TENTU MELEBIHI APA YANG PATUT DIBELANJAKAN OLEH NEGARA. TETAPI, SAYA DIBERITAHU IA ADALAH KEDIAMAN PERDANA MENTERI DAN BUKAN KEDIAMAN SAYA.
- LAGI 0920/AN

ZCZC 8523

MAHATHIR-TEMURAMAH (RUMAH) 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SUNGGUHPUN SAYA BOLEH TENTUKAN SETENGAH-SETENGAH PERKARA, SAYA TIDAK BOLEH TETAPAN TEMPAT TINGGAL PERDANA MENTERI AKAN DATANG DAN IA JUGA UNTUK ORANGRAMAI DAN BUKAN HANYA SAYA. KEBANYAKAN BILIK SEBENARNYA BILIK AWAM, OLEH DEMIKIAN, IA HARUS MENCERMINKAN KEDUDUKAN KETUA KERAJAAN NEGARA INI, BUKAN DR.MAHATHIR.

YANG SAYA KESAL IALAH KOS TIDAK DAPAT DIKURANGKAN. INI KERANA BEREK POLIS TERPAKSA DIDIRIKAN, DAN JUGA TEMPAT TINGGAL ORANG GAJI. TEMPAT LETAK KERETA DAN BILIK-BILIK AWAM TERPAKSA JUGA DIADAKAN. SAYA TIDAK AKAN TINGGAL DALAM BILIK SAYA DAN SAYA MEMBELI PERABOT SENDIRI. SAYA TIDAK MEMINTA KERAJAAN MEMBELI PERABOT SAYA DAN SAYA JUGA TELAH MEMINDAHKAN BEBERAPA BARANG LAMA DARI RUMAH DULU KE RUMAH INI. NAMUN DEMIKIAN, SAYA MASIH MENGANGGAP KOS ITU TERLALU TINGGI. KINI JUMLAHNYA BEBERAPA JUTA RINGGIT. TETAPI, SAYA JUGA DIMAKLUMKAN SEBUAH RUMAH DI BUKIT KENNY YANG BERTARAF DUA JUTA RINGGITPUN TIDAK BOLEH DIANGGAP SESUAI UNTUK PERDANA MENTERI, MENURUT SETENGAH-SETENGAH PIHAK. MUNGKIN SAYA TERSILAP MENGENAI PERKARA INI.

JIKA RAKYAT BERPENDAPAT SAYA TIDAK HARUS TINGGAL DI RUMAH ITU, SAYA SEDIA UNTUK TINGGAL DI MANA SAYA BERADA SEKARANG. INI TIDAK MENJEJASKAN TUGAS SAYA.

--LAGI 0924/AN

MAHATHIR-TEMURAMAH (RUMAH) 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

TETAPI RUMAH BARU INI BOLEH DIJADIKAN MUZIUM. KITA SUDAH MEMPUNYAI BEBERAPA BUAH RUMAH TETAMU KEPUNYAAN KERAJAAN YANG MESTI DIJAGA. SAYA MENYERAHKAN PERKARA INI KEPADA RAKYAT. JIKA MEREKA RASA SAYA TIDAK HARUS PINDAH, SAYA TIDAK AKAN PINDAH.

S: JADI, BANGUNAN ITU MERUPAKAN STRUKTUR YANG SERBA BARU ATAS PERAKUAN JKR. BANGUNAN LAMA TIDAK BOLEH DIGUNAKAN?

J: TIDAK BOLEH DIGUNAKAN... MEREKA CUBA MENGEKALKAN SEBATANG ALANG BANGUNAN LAMA TETAPI IA RETAK DAN RUNTUH. BANGUNAN ITU AGAK LAMA DAN DIBUAT DARIPADA PASIR DAN SIMEN DAN TIDAK ADA BESI LANGSUNG.

S: TETAPI, DATUK, KOSNYA TIDAK SAMPAI \$80 JUTA. TIDAK SAMPAI DUA ANGGAPUN?

J: TIDAK. TETAPI PADA PENDAPAT SAYA, KALAU HARGANYA KURANG DARI-PADA \$10 JUTAPUN IA MASIH MAHAL. SAYA TIDAK BERTAKUT MENDUDUKI RUMAH SEPERTI ITU. TETAPI, SEGALANYA TELAH DIRANCANGKAN KERANA MEREKA TERPAKSA MENGADAKAN TEMPAT SUPAYA MAJLIS-MAJLIS KERAJIAN BOLEH DIADAKAN BAGI MENAMPUNG HINGGA 5,000 ORANG. ITULAH RAMAINYA YANG SAYA KADANG KALA RAIKAN.

--BERNAMA 0928/AN